

Kumpulan B MCA batal EGM

UM 20 APR 2002

"Tiada sesiapa pun boleh menamatkan sesuatu keputusan. Hanya CC boleh membuat keputusan."

Ketika dihubungi *Bernama*, beliau berkata, pemimpin parti secara individu tidak mempunyai kuasa untuk memanggil atau menangguhkan pemilihan peringkat cawangan yang bermula pada 30 Mac lepas.

Pendirian Ling yang mengetuai Kumpulan A itu dibuat beberapa jam selepas pengumuman ketua Kumpulan B, Datuk Lim Ah Lek yang juga Timbalan Presiden, berhubung keputusan membatalkan EGM.

Ketika mengumumkan keputusan itu di Hotel Crown Princess pada sidang akhbar di sini hari ini, Ah Lek berkata:

"Pembatalan pemilihan parti itu adalah selaras dengan "agenda perdamaian dan kestabilan" yang dicadangkan oleh Dr. Mahathir. Nasihat Perdana Menteri adalah atas hasrat untuk melihat perpaduan yang merupakan semangat sebenar BN dan ia berasaskan kepada kepercayaan serta syarat yang saksama termasuk membatalkan EGM serta pemilihan parti dari peringkat bahagian dan seterusnya."

Beliau mengingatkan Kumpulan A, sekiranya pencalonan pada Isnin ini dan pemilihan bahagian pada hujung minggu depan diteruskan juga, ia bertentangan dengan nasihat Perdana Menteri.

Bagaimanapun pada sidang akhbar berasingan di ibu pejabat parti, Setiausaha Agung MCA, Datuk Dr. Ting Chew Peh pula menegaskan:

"Tidak ada sebab pemilihan bahagian pada 27 dan 28 April itu perlu ditangguhkan.

"Saya hormati kenyataan Perdana Menteri oleh kerana mereka (Kumpulan B) menggunakan nama beliau (tentang penangguhan pemilihan) tetapi saya tidak mengetahui adanya pelan damai itu," katanya.

Beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pemandu Pemilihan MCA berkata, pemilihan parti di semua peringkat adalah mengikut jadual seperti yang ditetapkan oleh CC parti.

Chew Peh turut memberi alasan beliau hanya mengikut arahan CC parti dan tidak mengetahui mengenai pelan damai itu dan desakan dari Ah Lek tentang pembatalan itu.

Pengukuhan

Beliau turut meminta kumpulan B supaya tidak membuat kenyataan yang mengelirukan ahli parti.

Sementara itu, Ah Lek ketika mengulas lanjut tentang tindakan kumpulannya berkata, langkah terbaru Kumpulan B adalah bukti komitmen kumpulan itu untuk berdamai dengan Kumpulan A.

Langkah itu juga menampakkan Kumpulan B kini lebih responsif kepada usaha perdamaian dan pengukuhan dalam parti berbanding Kumpulan A.

Katanya, beliau telah menandatangani memorandum pelan damai itu semalam tetapi tidak mengetahui sama ada Kumpulan A menandatangani atau tidak.

Memorandum itu, tambahnya, memerlukan dua tandatangan iaitu beliau selaku wakil Kumpulan B dan Presiden MCA, Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik bagi pihak Kumpulan A.

Sidang akhbar khas Ah Lek itu turut dihadiri oleh Naib-naib Presiden MCA, Datuk Chua Jui Meng dan Datuk Chan Kong Choy serta Ketua Pemuda MCA, Datuk Ong Tee Keat, di hotel tersebut yang berdekatan dengan Wisma MCA.

Ah Lek berkata, rancangan damai itu digariskan dengan syarat yang adil berasaskan semangat kesatuan dalam Barisan Nasional (BN) seperti yang dinyatakan oleh Perdana Menteri.

Ditanya sama ada Dr. Mahathir secara khusus mahukan pemilihan itu dibatalkan, beliau berkata, Perdana Menteri mahukan keamanan, kestabilan dan perpaduan dalam parti.

Katanya, sebarang penjelasan lanjut tentang nasihat Dr. Mahathir itu juga perlu datang dari Pengerusi BN sendiri.

Apa yang pasti, katanya, penyokong Kumpulan B menyambut baik pembatalan EGM tersebut kerana ia selaras dengan kehendak dan nasihat Dr. Mahathir.

Beliau bagaimanapun enggan menyatakan sama ada mereka akan menghadiri mesyuarat bahagian pada Isnin ini sekiranya pencalonan tidak dibatalkan.

"Kami telah membuat kenyataan dan kami tahu apa yang perlu dibuat, jadi mereka (Kumpulan A) tentunya tahu apa yang perlu dilakukan," katanya.